

SHINTAMET FILM COATED TABLET

Cimetidine (200mg, 400mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SHINTAMET
2. Bagaimana SHINTAMET berfungsi
3. Sebelum menggunakan SHINTAMET
4. Cara menggunakan SHINTAMET
5. Semasa menggunakan SHINTAMET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SHINTAMET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SHINTAMET

SHINTAMET digunakan untuk rawatan ulser duodenum dan gastrik (ulser pada lapisan perut), penyakit refluks esofagus (termasuk pedih ulu hati dan keradangan esofagus peptik) yang disebabkan oleh refluks asid perut, dispepsia (ketidakahadaman), dan penyakit seperti *Zollinger-Ellison Syndrome* (pengeluaran asid gastrik berlebihan disebabkan oleh pertumbuhan pada pankreas).

Bagaimana SHINTAMET berfungsi

SHINTAMET menghalang rembesan asid gastrik dirangsang oleh makanan, histamin (bahan kimia yang menyebabkan alahan), pentagastrin (bahan sintetik yang mempunyai tindakan yang sama seperti hormon gastrin), kafein dan insulin. Ini kemudian mengurangkan jumlah enzim penghadaman. pH gastrik meningkat sehingga 5.0 atau lebih.

Selbelum menggunakan SHINTAMET

Bila tidak boleh menggunakan

SHINTAMET tidak harus diambil jika anda hypersensitif terhadap Cimetidine atau komponen lain dalam produk ini.

-Selbelum mula menggunakan SHINTAMET

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

Cimetidine boleh digunakan oleh ibu yang mengandung atau menyusukan anak sekiranya faedah melebihi potensi risiko yang dijangka.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan SHINTAMET bersama dengan ubat yang

lain. SHINTAMET mungkin menyebabkan kesan yang tidak diingini jika digunakan bersama-sama dengan ubat-ubatan lain, seperti:

- Theophylline (ubat untuk merawat asma)
- Phenytoin (ubat untuk merawat sawan)
- Lidocaine (anestetik)
- Antiarrhythmic (ubat untuk merawat deugupan jantung tidak tetap)
- Benzodiazepins (ubat untuk merawat tekanan perasaan)
- Beta blocker (ubat untuk mengurangkan tekanan darah) dan Warfarin (antikoagulan).

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi

Cara menggunakan SHINTAMET

-Berapa banyak harus digunakan

Jumlah dos harian tidak harus melebihi 2.4g. Untuk

Ulser duodenum: 800mg sehari dibahagikan kepada 1-2 dos atau 200-400mg 3 kali sehari dengan 400mg sebelum tidur.

Pencegahan ulser duodenum dan gastrik yang berulang: 400mg sehari

Ulser gastrik benigna: 400mg 2 kali sehari atau 200mg 3 kali sehari dengan 400mg sebelum tidur.

Esofagitis Refluks: 400mg 2 kali sehari untuk keadaan yang kurang serius. 400mg 4 kali sehari dan sebelum tidur untuk keadaan yang teruk.

Zollinger Ellison Sindrom dan keadaan rembesan gastrik berlebihan yang lain: 200-400mg 3 kali sehari dengan 400mg sebelum tidur.

Dispepsia: 200mg 4 kali sehari dan sebelum tidur.

Kanak-kanak 1-12 tahun: 20-25 mg/kg sehari dalam dos berbahagi.

-Bila perlu digunakan

SHINTAMET perlu diambil dengan makanan dan sebelum tidur. Ini bergantung kepada keadaan penyakit.

-Berapa lama perlu digunakan

SHINTAMET boleh diambil selama 4 minggu hingga 6 bulan dan ini bergantung kepada keadaan penyakit.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan

mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan.

Semasa menggunakan SHINTAMET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

SHINTAMET perlu diambil dengan berhati-hati pada orang yang mempunyai kanser perut, fungsi buah pinggang terjejas, neonat atau bayi baru lahir, semasa mengandung atau menyusukan anak, orang yang sedang menjalani rawatan ubat atau mempunyai penyakit yang boleh menyebabkan pengurangan dalam kiraan sel darah.

Kesan-kesan sampingan

SHINTAMET lazimnya mengakibatkan cirit birit, pening, keletihan dan ruam.

Ini bukan senarai lengkap semua kesan sampingan yang mungkin berlaku. Beritahu doktor anda jika anda mendapati perkara yang membuatkan anda kurang sihat, walaupun ia tidak terdapat di dalam senarai ini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→ Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan SHINTAMET

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

SHINTAMET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda

berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

SHINTAMET FILM COATED TABLET 200MG: Tablet bersalut filem berwarna jingga.

SHINTAMET FILM COATED TABLET 400MG: Tablet elips bersalut filem berwarna putih, satu bahagian bercetak dengan skor dan sebahagian lagi bertanda "C 400".

Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Cimetidine

-Bahan tidak aktif

Lactose Monohydrate

Magnesium Aluminium Silicate

Hydroxypropyl Cellulose

Sodium Starch Glycolate

Talc

Magnesium Stearate

Polyethylene Glycol

Dimethylpolysiloxane

Titanium Dioxide

Iron Oxide Red

Iron (III) Oxide Yellow

Hydroxypropyl Methylcellulose

Nombor MAL

SHINTAMET FILM COATED TABLET 200MG

- MAL19986499A

SHINTAMET FILM COATED TABLET 400MG

- MAL19940372A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

18/02/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)170216/00046